

B 8059 DEB

MAHATHIR - RASUAH R R R

1985

KUALA BERANG, 19 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MERANGKAP PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEKALI LAGI MENGINGATKAN PARA ANGGOTA PARTI ITU SUPAYA MENOLAK PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG MENGAMALKAN RASUAH DENGAN MENYOGOK WANG BAGI MEMBELI UNDI UNTUK MEMENANGI SESUATU JAWATAN DALAM SEMUA PERINGKAT UMNO.

BELIAU JUGA MENGGESA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI SUPAYA MEMBERI SOKONGAN SEPENUHNYA KEPADA BELIAU DAN MAJLIS TERTINGGI UMNO AGAR SUATU TINDAKAN TEGAS DAPAT DIAMBIL KE ATAS MANA-MANA PEMIMPIN YANG MEMENANGI SEBARANG PERTANDINGAN DALAM PARTI DENGAN CARA SOGOKAN WANG.

SEMASA BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN HULU TERENGGANU DI DEWAN MAJLIS DAERAH, DI SINI HARI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN, SEKIRANYA TOKOH-TOKOH YANG MENANG SECARA RASUAH ITU BERPELUANG MENJADI PEMIMPIN NEGARA, KERAJAAN AKAN MENJADI KOTOR, NEGARA AKAN MENJADI LEMAH DAN UMNO SENDIRI AKAN HANCUR.

+SAYA YAKIN RAKYAT NEGARA INI TIDAK MAHU MELIHAT BARISAN PEMIMPIN ATAU MENTERI NEGARA TERDIRI DARIPADA ORANG-ORANG YANG NAIK MENERUSI RASUAH TETAPI SEBALIKNYA SEMUA PERINGKAT RAKYAT INGIN MELIHAT NEGARA INI DITADBIRKAN SECARA BERSIH, CEKAP DAN AMANAH,+ KATA BELIAU. -- LAGI.

1451MST 19 05 85

MAHATHIR - RASUAH 2 KUALA BERANG R R R

PERDANA MENTERI BERKATA, JIKA KEGIATAN MENGGUNAKAN WANG UNTUK MEMENANGI JAWATAN ITU DIBIARKAN BERLELUASA APABILA PENERIMANYA SANGGUP DIBELI, AKAN TIBA SUATU KETIKA APABILA UMNO SENDIRI PUN BOLEH DIBELI.

BELIAU MENDEDAHKAN, ADA ANTARA ORANG-ORANG TERTENTU YANG SANGGUP MENGHABISKAN WANG SEHINGGA \$600,000 SEMENTARA LAWANNYA MENGGUNAKAN SEJUMLAH YANG TIDAK KURANG DARIPADA ITU SEMATA-MATA UNTUK MEREBut JAWATAN KETUA SESUATU BAHAGIAN UMNO.

ADA PULA ORANG-ORANG TERTENTU YANG SANGGUP MENAWARKAN LAWATAN PERCUMA KE MEDAN DI INDONESIA ATAU TOKYO ATAU MENUNAIKAN FARDU HAJI KEPADA SESIAPA SAJA YANG SANGGUP MEMBERIKAN UNDI KEPADANYA DI MESYUARAT PERWAKILAN UMNO.

+PERBUATAN SEUMPAMA ITU MESTI DIHENTIKAN SERTA-MERTA DAN SATU-SATUNYA KUASA YANG BOLEH MENGHENTIKANNYA IALAH PARA ANGGOTA ATAU PERWAKILAN YANG TAHU MENGGUNAKAN KUASA YANG ADA PADA MEREKA SERTA SANGGUP MELETAKKAN KEPENTINGAN PARTI DI ATAS KEPENTINGAN PERIBADI,+ TEGAS BELIAU. -- LAGI.

1453MST 19 05 85

MAHATHIR - RASUAH 3 KUALA BERANG R R R

KATA BELIAU, PEMIMPIN-PEMIMPIN DI PERINGKAT PUSAT MENYEDARI KEGIATAN-KEGIATAN SEUMPAMA ITU DAN MEMANG BERHASRAT UNTUK MEMBANTERASNYA.

MALANGNYA, KATA PERDANA MENTERI, TANPA SOKONGAN MAJORITI ANGGOTA PARTI, TINDAKAN YANG HENDAK DIAMBIL ITU TIDAK AKAN MENDATANGKAN KESAN, MALAH SEBALIKNYA BOLEH MENYEBABKAN PERPECAHAN SESAMA SENDIRI.

MENURUTNYA, PENYOKONG-PENYOKONG ORANG YANG TERPILIH MEMEGANG SESUATU JAWATAN MENERUSI SOKONGAN WANG ITU SUDAH PASTI AKAN MEMARAHI PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI PERINGKAT PUSAT SEKIRANYA ORANG YANG MEREKA PILIH ITU TIDAK MENDAPAT SOKONGAN PEMIMPIN PUSAT.

BELIAU JUGA MENEGUR AMALAN SETENGAH-SETENGAH KALANGAN YANG MENGADAKAN +KABINET BAYANGAN+ MENJELANG SESUATU PERTANDINGAN DI PERINGKAT CAWANGAN ATAU BAHAGIAN UMNO KERANA IA BOLEH MENIMBULKAN PERPECAHAN.

+SEBAGAI SEORANG ANGGOTA PARTI YANG BERTANGGUNGJAWAB, KITA TIDAK BOLEH TAKSUB KEPADA MANA-MANA PEMIMPIN TETAPI HENDAKLAH MEMBERI SOKONGAN KEPADA SESIAPA SAJA YANG TERPILIH UNTUK MEMEGANG JAWATAN DI DALAM PARTI, WALAUPUN SECARA PERIBADI KITA TIDAK MAHU ORANG ITU TERPILIH,+ KATANYA. -- LAGI.

1455MST 19 05 85

D568

B B062 DEB

MAHATHIR - RASUAH 3 KUALA BERANG R R R

TEGAS BELIAU, UMNO AKAN TERUS KUKUH SEKIRANYA ANGGOTA-ANGGOTANYA TERUS BERSATU PADU DAN MEMBERI SOKONGAN YANG BULAT KEPADA PEMIMPIN YANG TERPILIH, WALAU BETAPA BURUK SEKALI PUN PEMIMPIN ITU.

+SEPERTI YANG SEDANG BERLAKU KEPADA SEBUAH PARTI POLITIK DI NEGARA INI, BETAPA CERDIK DAN BAIK SEKALI PUN SESEORANG PEMIMPIN ITU, PARTI TERSEBUT TIDAK AKAN DAPAT BERGERAK SEKIRANYA PENYOKONG-PENYOKONGNYA BERPECAH BELAH,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PRESIDEN UMNO ITU SELANJUTNYA MEMBERI AMARAN KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI SUPAYA JANGAN LAGI MENGGUNAKAN MAHKAMAH SEKIRANYA MEREKA TIDAK BERPUASHATI TERHADAP SESUATU YANG BERLAKU DI DALAM PARTI.

TEGASNYA, MAHKAMAH HANYA BOLEH MEMBERI PENYELESAIAN DARI SEGI UNDANG-UNDANG TETAPI TIDAK MUNGKIN DAPAT MEREDAKAN KEADAAN ATAU MEMULIHKAN PERPADUAN DI KALANGAN ANGGOTA PARTI.

+WALAUPUN KEPUTUSAN TELAH DIBUAT OLEH MAHKAMAH, SATU GOLONGAN YANG TIDAK SUKA KEPADA SATU GOLONGAN YANG LAIN AKAN TETAP TIDAK DAPAT MENERIMA KEPUTUSAN ITU DAN BENCI-MEMBENCI SESAMA SENDIRI AKAN TERUS BERLARUTAN,+ KATANYA. --LAGI.  
1458MST 19 05 85

MAHATHIR - RASUAH 5 KUALA BERANG R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA MEROJOK SEBARANG RASA TIDAK PUASHATI KEPADA UMNO BAHAGIAN, PERHUBUNGAN NEGERI ATAU MAJLIS TERTINGGI.

+CARA YANG SEBAIK-BAIKNYA BAGI MENGELAK PERPECAHAN IALAH MEROJOKKAN PERKARA ITU KEPADA PERINGKAT ATASAN PARTI AGAR SIASATAN DAPAT DIJALANKAN, RUNDINGAN SEMUA PIHAK DIADAKAN DAN SETERUSNYA PEMULIHAN DAPAT DICAPAI,+ KATANYA.

MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD DAN BEBERAPA ORANG TIMBALAN MENTERI DAN WAKIL RAKYAT HADIR DI MAJLIS PERASMIAN ITU.

KETIBAAN PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH TELAH DISAMBUT DENGAN PERARAKAN MOTOSIKAL KIRA-KIRA 200 ORANG ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA UMNO. -- BERNAMA.